



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

05 DISEMBER 2021 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

05 DISEMBER 2021 (AHAD)



Rosol Wahid

Soalan (S): Boleh Datuk ulas isu kenaikan harga barang keperluan yang dilaporkan berlaku mutakhir ini.

Jawapan (J): Malaysia mengamalkan sistem ekonomi terbuka dan pasaran bebas yang harga pasaran ditentukan prinsip permintaan serta penawaran. Kerajaan tidak boleh melaksanakan kawalan harga ke atas semua barang kerana polisi tidak tersusun boleh membunuh industri dan kitaran ekonomi negara.

Bagaimanapun, kerajaan melaksanakan kawalan harga beberapa barangan perlu seperti tepung gandum, ayam, roti dan minyak masak paket 1 kilogram serta membelanjakan berbilion ringgit setiap tahun untuk subsidi barang perlu.

Di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), terdapat beberapa jenis barang mempunyai permintaan tinggi ketika musim perayaan ditentukan harga maksimumnya bagi tujuan mengekang kenaikan harga.

Kenaikan harga barangan tidak sahaja dirasai di negara ini, bahkan bersifat global. Kenyataan ini disokong Forum Ekonomi Dunia dan Institut Penyelidikan Polisi Makanan Antarabangsa. Malah, *News Network Cabel* melaporkan harga makanan dunia melonjak hingga 30 peratus dalam tahun ini sahaja.

Kenaikan harga barangan berlaku disebabkan banyak faktor antaranya kadar permintaan tinggi melebihi penawaran terhadap sesuatu barangan. Begitu juga nilai

'Jaga kebajikan pengguna, adil kepada peniaga'

Isu kenaikan harga barang menyebabkan kesan langsung kepada pengguna, terutama membabitkan keperluan harian seperti ikan dan sayur-sayuran. Ia menimbulkan persoalan mengenai punca dan usaha kerajaan memastikan ia tidak membebankan rakyat, terutama kelompok berpendapatan rendah. Wartawan BH, Suzalina Halid mewawancara Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, **Datuk Rosol Wahid** dan Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **Mohd Yusof Abdul Rahman**.

tukaran wang, kekurangan tenaga kerja dan buruh, perubahan cuaca, bencana, naik turun harga bahan import serta harga komoditi dunia, malah pandemik COVID-19.

Ketika saya turun membuat pemantauan harga di pasar di Selayang, peniaga akui harga sayuran import meningkat, tetapi harga sayuran tempatan rendah dan stabil. Kita melihat kesan terhadap sayuran import kerana peningkatan kos dan bekalan terhad daripada negara pengeluar.

Di sini pentingnya peranan pengguna membuat pilihan terbaik kerana kesan permintaan dan penawaran akan menentukan paras harga barangan.

Contohnya, apabila kerajaan membenarkan pembukaan sektor ekonomi dan pelancongan,

kita dapat lihat perlahan-lahan isu harga dan kecukupan bekalan timbul susulan peningkatan permintaan di pasaran.

S: Isu kenaikan harga barang boleh dikatakan bermusim - kadang kala luar jangka dan ada juga boleh diramal. Apakah persediaan Kementerian berdepan situasi sebegini?

J: Dalam SHMMP, kerajaan tetapkan harga siling untuk barangan kita jangka berlaku peningkatan permintaan seperti ayam, telur dan daging, mengikut kecenderungan perayaan itu. Kita dapat mengawal manipulasi harga untuk mendapat lebih keuntungan ketika permintaan barangan melonjak.

Bagi persediaan menghadapi musim tengkujuh, Unit

Pengurusan Bencana Bagi Kesiapsiagaan Keberadaan Barangan Keperluan Kementerian akan mengenal pasti lokasi berisiko banjir.

Premis perniagaan terpilih bermula peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit akan diberikan lesen menyimpan stok tambahan barangan asas sebanyak 30 peratus bagi menampung permintaan ketika bencana.

Kementerian juga menggerakkan 1,000 Pegawai Pemantau Harga (PPH) di seluruh negara membuat pemantauan di lebih 1,500 premis niaga setiap hari untuk merekod sebarang perubahan

harga atau gangguan bekalan. Data ini akan dianalisis Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) dan Bahagian Penguat Kuasa yang akan menentukan



Kerjasama kementerian, agensi bantu ringan beban hidup rakyat

Mohd Yusof Abdul Rahman

Soalan (S): Kenaikan harga bahan makanan mula membelenggu dunia dan tidak terkecuali Malaysia yang banyak bergantung kepada import. Apa komen Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)?

Jawapan (J): Menangani kenaikan harga barang tidak

terletak kepada tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sahaja. KPDNHEP hanya mengawal pada peringkat pemborongan dan peruncitan dalam rantai bekalan makanan serta perkhidmatan.

Terdapat kementerian lain turut bertanggungjawab pada peringkat pengeluaran dan pengilangan termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada peringkat penternakan, perladangan dan perikanan. Begitu juga

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada peringkat perkilangan.

Oleh itu, usaha menangani kenaikan harga barang perlu membabitkan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan berkaitan. Pihak KPDNHEP lebih diberikan perhatian rakyat kerana kementerian ini terlibat pada peringkat peruncitan, dirasai rakyat apabila berlaku kenaikan harga barang.

S: Apa usaha perlu ditambah baik kerajaan dalam mengawal harga bahan makanan

supaya tidak menyebabkan pengguna terjejas teruk?

J: Kerajaan perlu memastikan perdagangan berjalan adil dan sihat. Usaha juga perlu dipertingkatkan untuk mengurangkan kebergantungan bahan makanan dari luar negara kerana sebarang kenaikan kos di negara pembekalan bahan makanan adalah di luar kawalan.

Dalam jangka pendek, apabila berlaku kekurangan bekalan bahan makanan dalam negara, usaha perlu dilakukan untuk mengimport bahan makanan dari luar negara. Kerajaan perlu membuka kepada seselapa sahaja ingin mengimport bahan makanan tanpa terikat dengan permit import (AP).

Kerajaan melalui agensi berkaitan mengeluarkan stok makanan disimpan mereka seperti Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) menyimpan stok ikan sejuk beku dan Beras Nasional Berhad (BERNAS) apabila berkaitan dengan stok penimbal beras. Peranan orang tengah

juga perlu dibanteras kerana mereka mengaut keuntungan di sebalik titik peluh penanam sayur, penternak dan nelayan.

Kerajaan juga perlu menghapuskan amalan monopoli dan kartel yang mewujudkan persaingan tidak sihat dalam perdagangan. Peranan Suruhanjaya Pesaingan Malaysia (MyCC) perlu diperhebatkan untuk mengekang amalan ini.

Bagi jangka panjang, perlu ada perancangan berkaitan jaminan keselamatan makanan bagi memastikan negara menghasilkan bahan makanan secukupnya untuk keperluan rakyat. Kadar sara diri bahan makanan keperluan negara perlu dipertingkatkan hingga mencapai 100 peratus atau lebih.

Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti FGV dan Sime Darby perlu terlibat dalam sektor pertanian secara berskala besar. Begitu juga, FELDA dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri yang sedia wujud pada masa ini perlu dipergiatkan dalam meningkatkan hasil pertanian.

bentuk tindakan perlu.

Sebab itulah apabila ada dakwaan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengenai harga sayur meningkat hingga 200 peratus, ia tidak selari dengan dapatan pegawai di lapangan.

Saya dan Menteri, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi tidak pernah menafikan berlakunya pergerakan harga barangan di pasaran, terutama sayuran, cuma apa kami jelaskan kenaikan harga berlaku, tetapi tidak setinggi hingga 200 peratus yang mencetuskan suasana panik dan seolah-olah fenomena di seluruh negara.

Kita faham sedikit pun kenaikan harga memberi kesan kepada pengguna, terutama berpendapatan rendah, jadi langkah menangannya dilaksanakan segera supaya rakyat tidak terus terbebani.

S: Apakah pandangan supaya KPDNHEP menempatkan penguat kuasa atau membuka kaunter aduan khusus secara tetap di pasar basah?

J: Kementerian berusaha menyediakan akses memudahkan komuniti pengguna membuat aduan tetapi perlu realistik dengan kekuatan anggota penguat kuasa terhad, iaitu 2,200 orang di seluruh negara.

Namun, KPDNHEP mempunyai van khas, Skwad Tindakan Aduan dan Resolusi Pengguna digorakkan ke lokasi tertentu.

Bagaimanapun, kita tidak menjadikan kekangan keanggotaan sebagai penghalang untuk memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat. Sekiranya anda melihat penguat kuasa di pasar umpamanya, anda boleh menghampiri mereka untuk menyampaikan aduan secara terus.

S: Adakah KPDNHEP bercadang menempatkan anggota penguat kuasa menyamar sebagai pelanggan bagi mengesan peniaga curas di pasar?

J: Atas asas memastikan penguatkuasaan benar-benar berkesan, pegawai memang ada membuat pemantauan dan pemeriksaan secara penyamaran di bawah Ops Samar.

Ops sejak 1 Ogos lalu selaras pembukaan semula sektor ekonomi di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) untuk memantau pematuhan prosedur operasi standard (SOP). Pegawai penguat kuasa berpakaian premis dalam Ops Samar turut membuat pemeriksaan dan pemantauan berkaitan dengan harga barangan.

Pegawai menyamar sebagai pelanggan melakukan 'test purchase' untuk melihat tahap pematuhan dan etika peniaga. Jelas Ops Samar sangat berkesan dalam 'memerangkap' peniaga mengambil kesempatan. Sehingga kini, 94 peniaga dikenakan tindakan dengan jumlah kompaun sebanyak RM12,204.

S: Bagaimanakah pula nasib peniaga, terutama apabila kenaikan harga barang sukar dielak disebabkan mereka juga menerima bekalan dengan harga tinggi?

J: KPDNHEP bukan semata-mata bertanggungjawab menjaga kepentingan pengguna, tetapi perlu adil dan seimbang kepada peniaga untuk pastikan kitaran ekonomi sihat. Sebab itu kita pastikan, penetapan harga siling tidak hanya dibuat di peringkat runcit, bahkan pemborong dan pengeluar. Jika ada peniaga di pasar beri alasan terpaksa jual ayam melebihi harga siling, kita akan siasat di peringkat pemborong. Begitu

juga pada peringkat pengeluar.

Dalam menyelesaikan isu kebangkit seperti pada peringkat peniaga runcit yang dikatakan sering ditindas pembekal dan pemborong, Kementerian mengadakan libat urus dengan pemain industri. Dalam isu kenaikan harga ayam umpamanya, kita adakan libat urus dengan peternak, mohon kerjasama tidak menaikkan harga di peringkat ladang. Kita berjaya stabilkan harga ayam daripada lebih RM10 sekilogram kepada di bawah RM9.50 sekilogram.

Namun, isu bekalan ayam, ikan, sayuran mahupun buah-buahan di bawah kawal selia Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Kedua-dua Kementerian saling berkait dan bekerjasama baik menyelesaikan isu barangan dan kestabilan harga di pasaran.

S: Sejauh mana orang tengah memainkan peranan dalam menentukan harga barang dan apa sudah jadi dengan kempen hapuskan orang tengah?

J: Dalam ekosistem mana-mana rantaian bekalan, kita tidak boleh ketepikan peranan orang tengah. Mereka berperanan tertentu seperti dalam bidang pertanian, petani tidak mempunyai keupayaan logistik asas dan hubungan dengan peruncit serta modal hingga tidak dapat menyediakan perkhidmatan 'end to end'.

Peranan orang tengah dilihat pemudah cara memasarkan produk petani ke pasaran. Apa dilakukan kerajaan, memerangi orang tengah memanipulasi harga untuk cepat kaya, tetapi bukan bermakna kerajaan anti-orang tengah. Jadi apa dibuat, mengurangkan

bilangan atau lapisan orang tengah dengan menggunakan sistem ekonomi digital untuk meningkatkan kecekapan rantaian bekalan. Peranan petani dan peruncit perlu diperkembangkan, sama ada diberikan platform, latihan atau bantuan bersesuaian untuk menjadikan petani boleh juga berperanan sebagai peruncit dan sebaliknya.

Ini menghidupkan persaingan sihat supaya pilihan berkualiti pada harga kompetitif disediakan kepada pengguna. Apapun, isu bekalan serta permintaan boleh turun naik kerana faktor luar kawalan dan kos berkaitan yang turun naik perlu diambil kira kerana kuasa pasaran pada zaman pandemik amat tidak menentu.

Dalam menangani isu orang tengah, KPDNHEP membuat pemeriksaan rutin di setiap rantaian pengedaran bagi mengesan perlakuannya. Pemeriksaan di setiap rantaian pengedaran membolehkan pemeriksaan dokumen urusan niaga, sekali gus dapat mengesan harga dimanipulasi orang tengah.

Bagaimanapun, peranan setiap rantaian pengedaran menjalankan urusan niaga secara terus turut membantu menghapuskan kewujudan orang tengah.

S: Isu kenaikan harga barang sering dikaitkan bekalan yang tidak mencukupi untuk menampung permintaan. Sejauh mana peranan KPDNHEP dalam isu sekuriti makanan?

J: Kementerian mempunyai hubungan rapat dengan MAFI kerana isu sekuriti makanan perlu diberi penekanan, terutama selepas pengalaman menghadapi cabaran pandemik.

Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet meng-

nal Dasar Sekuriti Makanan. KPDNHEP menjadi urusetia Jawatankuasa Kumpulan Kebolehcapaian di bawahnya.

Di peringkat Kementerian, kita ada program Food Bank menyokong dasar sekuriti makanan ini. Begitu juga usaha Kementerian melaksanakan Program Penyeragaman Harga, Program Pengedaran Barang Perlu dan Community Drumming memanfaatkan lebih 1.2 juta penduduk kawasan luar.

Memerusi program ini kita bukan hanya pastikan mereka mendapat bekalan makanan pada harga sama seperti penduduk di bandar, bahkan menjamin bekalan di tempat mereka.

S: Boleh kongsi apa pelan KPDNHEP untuk memastikan isu kenaikan mendadak harga barang tidak berulang atau jika berlaku, tidak terlalu membebankan pengguna?

J: Program Jualan Keluarga Malaysia (JKM) dan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) ialah penyelesaian drastik jangka pendek untuk meringankan tekanan rakyat mendepani situasi kenaikan harga barang.

JKM yang akan dilaksanakan di 222 Parlimen, akan memanfaatkan rakyat mendapatkan barang keperluan hingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

Buat kali pertama, SHMKM menetapkan harga kawalan untuk menstabilkan harga 12 item barang bermula 7 hingga 31 Disember ini. Bagaimanapun, kita akan melihat keperluan sekiranya perlu diteruskan. Lazimnya kita menetapkan harga kawalan terhadap barangan mendapat permintaan tinggi hanya pada musim perayaan.

Agensi terbabit dalam pemasaran pertanian seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) perlu bergiat agresif memasarkan hasil pertanian bagi mengengkang peranan orang tengah.

Pada 2019, tanah pertanian terbiar seluas 103,563 hektar. Ia perlu diusahakan membolehkan pelbagai agensi kerajaan dalam sektor pertanian, termasuk pembibitan petani dan sektor swasta. Kawasan pertanian sedia ada perlu dikekalkan, tidak boleh ditukarkan kepada projek pembangunan lain termasuk perumahan.

Peruntukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian perlu ditingkatkan supaya ia berterusan dapat dijalankan hingga negara dapat menghasilkan tanaman berkualiti, menghasilkan tuai tanaman banyak dan tidak dipengaruhi faktor musim.

Sekarang, kerajaan giat menggalakkan tanaman sayur-sayuran secara komuniti melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Pertanian dengan menggunakan tanah kosong

dalam kawasan komuniti. Hasil tanaman boleh membantu masyarakat tempatan untuk memperoleh sayur-sayuran segar dan dipasarkan melalui FAMA.

Kempen menggalakkan rakyat menanam sendiri sayur-sayuran perlu diteruskan. Pelbagai kaedah tanaman boleh dilaksanakan seperti tanaman dalam pasu dan kaedah hidroponik.

S: Baru-baru ini Perdana Menteri mengarahkan lambakan barangan untuk mengurangkan harga. Sejauh manakah kaedah itu boleh berjaya?

J: Arahkan melambakkan barangan ialah mekanisme jangka pendek untuk menstabilkan harga barang. Harga barang di pasaran terbuka seperti di Malaysia berdasarkan permintaan dan penawaran.

Apabila penawaran berkurangan disebabkan kekurangan bekalan, harga akan naik kerana permintaan masih sama. Begitu juga jika permintaan meningkat dalam keadaan penawaran masih sama, harga

juga meningkat. Jadi usaha melambakkan bekalan bertujuan meningkatkan penawaran bekalan di pasaran, sekali gus dapat menstabilkan harga.

Begitu juga arahan supaya mengimport bekalan ayam sebanyak 200 hingga 300 tan bagi mengatasi kenaikan harga ayam tempatan. Ini juga langkah menstabilkan harga ayam.

S: Bagi pengguna sendiri, bagaimanakah kenaikan harga bahan makanan kini menjejaskan kehidupan mereka?

J: Kenaikan harga bahan makanan sudah tentu menjejaskan kehidupan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah. Berdasarkan Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah pada 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia, purata perbelanjaan bulanan isi rumah untuk makanan dan minuman bukan alkohol ialah RM783.

Kenaikan harga bahan makanan akan meningkatkan perbelanjaan isi rumah menyebabkan mereka terpaksa mengurangkan perbelanjaan kategori lain. Ini

akan menimbulkan cabaran lain pula. Dalam menghadapi pandemik COVID-19, rakyat masih terbebani dengan cabaran hidup. Usaha kerajaan dan pelbagai pihak menyalurkan bakul makanan, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan bebanan hidup.

S: Kerajaan dilihat berusaha mengawal keadaan ini dengan Perdana Menteri turut mengarahkan KPDNHEP tingkatkan penguatkuasaan selain, penganjuran Jualan Keluarga Malaysia. Sejauh manakah ia membantu?

J: Langkah kerajaan mengawal kenaikan harga barang melalui penguatkuasaan untuk memastikan tiada mengambil kesempatan atau memanipulasi pasaran untuk mengawal harga barang. Namun, langkah ini terhad kepada peraturan sedia ada.

Kerajaan masih perlu mewujudkan rantaian lain bagi mewujudkan rantaian bekalan beringkasan supaya bahan makanan dapat diperolehi rakyat dengan harga berpatutan seperti Jualan Keluarga Malaysia di setiap

Parlimen, dua kali sebulan.

Dengan wujudnya mekanisme ini, ia menjadi persaingan kepada rantaian bekalan sedia ada membolehkan peranan orang tengah. Namun, langkah ini bersifat sementara kerana ia mengganggu pasaran terbuka diamalkan di negara kita.

Peranan pasar tani perlu dikembalikan kepada matlamat asal kewujudannya, supaya menjadi saluran untuk petani memasarkan terus tanaman mereka kepada rakyat tanpa orang tengah.

Apa yang penting, kerajaan perlu mewujudkan perdagangan adil dan sihat supaya pasaran dapat berfungsi dengan baik.





Ayam dijual RM7.99 sekilogram pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Pasar Raya Econsave, Taman Daya, semalam. (Foto BERNAMA)

Jualan maksimum runcit ayam RM9.30 sekilogram

Kuala Berang: Harga maksimum ayam standard ditetapkan RM9.30 sekilogram bagi jualan runcit dan RM8 sekilogram untuk pemborong di Semenanjung kecuali Langkawi, berkuat kuasa selama 25 hari bermula Selasa ini hingga 31 Disember.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata ia ditetapkan di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang kali pertama diadakan bertujuan meringankan beban rakyat dalam menghadapi kenaikan harga barang keperluan.

Katanya, harga ayam standard berbeza mengikut kawasan dengan di Langkawi ditetapkan RM9.80 sekilogram (runcit) dan RM8.50 sekilogram (borong), di Wilayah Persekutuan Labuan pula ditetapkan RM11 sekilogram (runcit) dan RM10 sekilogram (borong).

"Di Sabah serta Sarawak, kita tetapkan antara RM9.30 hingga RM12.40 bagi pembelian runcit dan RM8.10 hingga RM11.20 borong.

"Ada 11 lagi barang dimasukkan di bawah skim ini, termasuk ayam hidup, telur ayam Gred A, B dan C, kacang panjang, cili merah, tomato, sawi hijau, kubis bulat import serta timun.

"Seperti ayam standard, harga kawalan bagi 11 barang lain terbabit juga berbeza mengikut kawasan, penetapan dibuat berdasarkan kesesuaian harga pasaran.

"Ia mengambil kira pelbagai faktor perubahan harga, terutama bagi barangan import yang dipengaruhi harga di negara asal dan perubahan kadar tukaran mata wang," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas Program Jualan Keluarga Malaysia, di sini, semalam, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, senarai barangan terbabit akan dikaji secara berterusan, termasuk ditambah atau digugur berdasarkan penilaian situasi pasaran.

SHMKM berbeza dengan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) yang diadakan setiap tahun dengan pelaksanaannya diharap mampu menstabilkan harga barangan asas dalam pasaran.

"Semua pihak dalam seluruh rantaian pembekalan daripada pengeluar, pemborong, pengedar dan penjual akan dikenakan tindakan tegas andai gagal mematuhi skim ini. Peniaga yang gagal mematuhi skim ini boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencabutan 2011," katanya.



3,000 serbu Jualan Keluarga Malaysia di Hulu Terengganu

HULU TERENGGANU - Hampir 3,000 pengguna di sekitar daerah ini menyerbu program Jualan Keluarga Malaysia (JKM) peringkat Parlimen Hulu Terengganu semalam.

Mereka sanggup beratur sejak pukul 7 pagi dalam cuaca hujan renyai bagi membeli barang keperluan pada harga 20 peratus lebih murah di pasaran.

Ayam segar berharga RM8.60 sekilogram berbanding RM10.80 di pasaran dan minyak masak peket yang kini sukar didapati menjadi rebutan ramai.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, program JKM

merupakan sebahagian inisiatif kerajaan untuk menangani kenaikan kos sara hidup.

"JKM menawarkan 50 barang keperluan pada harga subsidi sehingga 20 peratus itu akan diadakan sehingga Februari tahun depan atau sehingga pasaran kembali stabil," katanya ketika ditemui semalam.

Seorang pengguna, Nurulhuda Zulkifli, 28, berkata, penganjuran JKM itu tepat pada masanya sewaktu rakyat tertekan dengan kenaikan mendadak harga barangan.

"Program ini menyediakan hampir semua barangan dapur untuk seisi keluarga dengan harga amat berpatutan," katanya.



ROSOL (dua dari kanan) beramah mesra dengan salah seorang peniaga ayam di Hulu Terengganu semalam.

Pasir Mas: Pengunjung program Jualan Keluarga Malaysia di Lubok Jong di sini, teruja apabila barangan kering dan basah dijual pada harga lebih murah berbanding pasaran biasa.

Tinjauan Metro Ahad mendapati ayam, ikan serta sayur-sayuran dijual sekitar 15 sehingga 20 peratus lebih murah dan mula dikunjungi orang ramai seawal jam 7.30 pagi.

Pengunjung, Mustafa Muda, 73, berkata, dia sudah menunggu awal untuk membeli pelbagai barangan basah untuk jualan di kedai makan diusahakan anaknya.

"Jualan sebegini amat ditunggu buat pengusaha makanan kerana bekalan barangan basah dan sayur agak mahal di pasaran se-

Dapat beli ayam RM7.90 sekilogram



ORANG ramai membeli pelbagai barangan kering dan basah pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Lubok Jong, Pasir Mas, semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Saya beli sayur dan bawang dengan harga murah selain ayam berharga RM7.90 sekilogram sahaja"

Mustafa

masa sejak seminggu lalu.

"Saya beli sayur dan bawang dengan harga murah selain ayam berharga RM7.90 sekilogram sahaja berbanding RM9 sekilogram. Ia memang berbaloi buat golongan kurang berkemampuan.

"Sebagai pembeli, saya

menyambut baik program ini kerana sedikit sebanyak membantu masyarakat membeli barangan dapur terutama dalam keadaan ekonomi tidak menentu ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Adnan Abd Rahman berkata, program berkenaan diadakan bagi meringankan beban pengguna terutama untuk membeli barangan dapur dan keperluan harian.

"Harga barangan kering dan basah ditawarkan dengan harga rendah pada program ini, selain KPDNHEP membawa pengusaha ayam dan sayur tanpa orang tengah agar barangan dapat dijual murah," katanya.

Tingkat kerjasama babit isu harga

Batu Pahat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bagi mencari jalan untuk mengembalikannya harga normal barangan keperluan.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) KPDNHEP Aris Mamat ber-

kata, langkah berkenaan sebagai jaminan untuk mengurangkan beban pengguna yang terkesan susulan peningkatan harga pelbagai barang keperluan kebelakangan ini.

"Sehingga kini, harga barang makanan seperti sayur, ikan dan ayam tidak banyak beza di seluruh negara.

"Ramai peniaga mengekalkan harga asal seperti daging import," katanya ketika

sidang media selepas melakukan tinjauan harga barang di Pasar Awam Batu Pahat di sini, semalam.

Menurut beliau, pihaknya tidak menolak akan berlaku kenaikan harga disebabkan permintaan tinggi tetapi kekurangan bekalan.

"Kebanyakan peniaga masih menjual barang keperluan dalam kadar yang tidak jauh beza dengan harga sebelum ini," katanya.



Program Jualan Keluarga Malaysia

Rakyat teruja, harap PJKM diteruskan

Program dianggap tepat pada masanya bantu pengguna terbeban barang mahal

Oleh Mohamed Farid Noh, Aizat Sharif, Zatul Iffah Zolkipli, Nurul Amanina Suhaini, Balqis Jazimah Zahari dan Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang menawarkan jualan barang asas lebih murah antara 30 hingga 50 peratus menerima sambutan masyarakat di seluruh negara pada hari pertama operasinya semalam.

PJKM diadakan serentak di 13 lokasi berbeza di seluruh negara sejak jam 7 pagi membolehkan penjualan barangan asas termasuk ayam segar, sayuran, barangan proses dan keperluan harian.

Program ini dianjurkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kewangan (MOF).

Tinjauan di lokasi jualan ditetapkan KPDNHEP mendapati peniaga dan pengguna menyambut baik program berkenaan dan serta berharap ia diteruskan setiap minggu serta tidak bermusim.

Di Pasir Mas, pengunjung PJKM di Lubok Jong, di sini, teruja apabila barang kering dan basah dijual lebih murah berbanding pasaran biasa.

Mustafa Muda, 73, berkata dia menunggu awal di tapak jualan untuk membeli pelbagai jenis barangan basah buat jualan di kedai makan yang diusahakan anaknya.

"Program sebegini amat ditunggu pengusaha makanan memandangkan bekalan barang basah dan sayur agak mahal di pasaran sejak seminggu lalu.

"Hari ini, saya dapat membeli sayur dan bawang dengan harga dua kali lebih murah, selain ayam berharga RM7.90 sekilogram berbanding RM9 di kedai biasa. Ia memang berbaloi dan mampu milik buat golongan kurang berkemampuan.

"Sebagai pembeli, saya menyambut baik program sebegini yang membantu masyarakat membeli barang dapur terutama dalam keadaan ekonomi tidak menentu ini," katanya yang berasal dari Kampung Gual Periok, Rantau Panjang.

Di Ipoh, penjual kuih, Rusni Abdullah, 60, dari Taman Chandan Desa berkata, PJKM benar-benar menjimatkan pembeli terutama dalam situasi harga barangan mahal pada ketika ini.

"Kalau beli barang di luar pun tidak dapat banyak dan murah sebegini, maka peniaga kecil macam kami bermasalah.

"Harga barang mentah dan runcit ditawarkan peniaga pada program ini memang terbaik dan dapat membantu meringankan beban peniaga kecil," katanya ketika me-

ngunjungi program itu di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng.

Penduduk dari Pengkalan Pegoh Seberang, Abdul Ghaffar Qurnain mengakui barang runcit dijual lebih murah dan menjimatkan.

"Memang lebih murah berbanding dibeli di pasar raya sebelum ini. Program ini memang sangat bagus untuk membantu rakyat yang terkesan dengan kenaikan harga barang. Kami berharap program ini dapat diteruskan," katanya.

Di Johor Bahru, pengguna meminta kerajaan menangani kenaikan harga barang di pasaran secara komprehensif, bukan bermusim atau apabila menerima aduan orang awam.

Pemandu van sekolah, Noriah Yahya, 50, golongan berpendapatan rendah bergelut dalam merancang pembelian bagi mengu-





Orang ramai mendapatkan pelbagai barangan keperluan pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Hulu Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)

rangkan beban isi rumah.

"Saya cuba berjimat dengan berbelanja barang kering sebulan sekali yang memakan kos RM500, manakala bagi barang basah pula RM300 untuk dua minggu sekali.

"Apabila ada program seperti ini, seminggu sekali pun sudah memadai," katanya yang menetap di Taman Bestari Indah, Ulu Ti-ram.

Bagi peniaga, Rosnaini Mohd Yusof, 50, dengan bantuan diberikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membolehkannya terbabit secara langsung untuk membantu pembeli mendapatkan barang asas segar pada harga berpatutan.

"Pembeli juga boleh mendapatkan harga rendah seperti sayur sawi RM7 sekilogram berbanding kebiasaannya RM10, manakala ayam dan kangkung RM6 sekilogram berbanding kebiasaannya RM8 sekilogram.

"Saya berharap program ini diadakan secara berterusan bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripadanya," katanya.

Di Kuala Berang, peniaga, Wan Nik Faizah Wan Daud, 38, berkata, pengurangan harga barang keperluan asas sehingga 20 peratus banyak membantu golongan sepertinya.

"Memang saya teruja apabila di-



Orang ramai di sekitar Hulu Terengganu mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga lebih murah pada Program Jualan Keluarga Malaysia. (Foto Ghazali Kori/BH)

maklumkan mengenai program ini dan datang untuk mendapatkan barang keperluan harian.

"Saya berharap program seumpama ini dapat diteruskan bagi membantu pengguna terutama mereka yang kurang berkemampuan," katanya.

Bagi Wahab Saleh, 55, katanya program JKM dilaksanakan kerajaan ini tepat pada masanya ketika rakyat terbeban dengan kenaikan harga barang ketika ini.

"Ramai terjejas kerana COVID-19 dan sekarang bertukar kenaikan harga barang, malah saya sendiri turut merasa kesannya.

"Walaupun perlu beratur untuk menunggu giliran, tetapi ia tetap berbaloi dan dapat menjimatkan wang," katanya yang bekerja sendiri.

Di Kangar, seorang pengunjung, Karim Mustafa, 52, dari Wang Ulu, mengakui tidak tahu dengan penganjuran program itu.

"Saya sebenarnya tidak tahu pun ada penganjuran program ini dan secara kebetulan hendak ke Pasar Besar Sena, namun apabila melewati kawasan ini, saya lihat banyak gerai di sini dan saya pun singgah.

"Harga dijual sangat murah dan berpatutan, sudah tentu membantu rakyat yang kini diassak dengan kenaikan harga barang.

"Diharapkan jualan ini dapatlah diteruskan selalu, bantu kami berjimat selain meringankan beban kewangan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata Kementerian akan meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan pada semua peringkat rantai pengeluaran, pemborong dan peruncit bagi mengawal jangkaan berlaku kenaikan harga barang berikutan musim tengkujuh.

Bellau berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan berlaku kenaikan harga barang keperluan asas disebabkan faktor cuaca, termasuk kekurangan tenaga kerja.

"Bagi menghadapi sebarang kemungkinan itu, kerajaan melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) untuk mengawal harga barangan yang mendapat permintaan tinggi pengguna antaranya ayam, telur dan sayuran.

"Buat permulaan, 12 barang disenarikan dalam SHMKM yang akan bermula pada 7 hingga 31 Disember ini," katanya di Kuala Terengganu.



Penduduk memilih pelbagai jenis makanan laut yang dijual pada PJKM 2021 di Putra Perdana, Puchong. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Reaksi

"Saya berharap program ini diadakan secara berterusan bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripadanya"



Rosnaini Mohd Yusof, Peniaga

"Kalau beli barang di luar pun tidak dapat beli banyak dan murah sebegini, maka peniaga kecil macam kami bermasalah"



Rusni Abdullah, Penjual kuih

"Saya cuba berjimat dengan berbelanja barang kering sebulan sekali yang memakan kos RM500, manakala bagi barang basah pula RM300 untuk dua minggu sekali"



Noriah Yahya, Pemandu van sekolah



Pelbagai barangan keperluan dijual pada PJKM di Hadapan Pantai Timor Mart, Lubok Jong, Pasir Mas, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Jualan Keluarga Malaysia di 222 kawasan bermula Sabtu capai matlamat kurangkan beban rakyat yang terkesan akibat kenaikan harga barang

LARIS DALAM MASA 4 JAM



Penduduk di sekitar daerah Hulu Terengganu mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga murah menerusi Program Jualan Keluarga Malaysia pada Sabtu.

MUKA 2 & 3

- Di kebanyakan kawasan jualan, bahan mentah seperti ayam, telur, sayuran, tepung gandum, minyak masak dan keperluan harian lain terjual dalam tempoh empat jam mulai jam 9 pagi.
- Barang yang dijual murah sehingga 20 peratus berbanding harga pasaran memberi kelegaan kepada pelanggan yang rata-ratanya berharap program seumpama itu dapat diteruskan lagi.
- Peniaga mengakui barang keperluan dapat dijual pada harga murah kerana bekalan seperti ayam dan sayur diambil terus daripada pengusaha dan penternak.

Orang ramai berpuas hati dengan harga barang keperluan yang ditawarkan pada Jualan Keluarga Malaysia

Harga betul-betul murah

Oleh HAZELI LIANA KAMARUDIN, NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN, ENGRU SHARIFUL AZNI, NOOR AINON MOHAMED YUSOF & ZULHISHAM ISAHAK

SHAH ALAM

Program Jualan Keluarga Malaysia di semua 222 kawasan Parlimen seluruh negara secara serentak bermula Sabtu menepati matlamat kerajaan untuk meringankan beban rakyat susulan kenaikan harga barang ketika ini.

Di Lubok Jong, dalam kawasan Parlimen Rantau Panjang Kelantan misalnya, tawaran harga murah sehingga 20 peratus memberikan sernyaman kepada lebih 1,000 penduduk di kawasan itu.

Seorang penoreh getah, Mat Isa Muhammad, 59, berkata, dia menggunakan peluang tersebut untuk membeli beberapa ekor ayam, telur serta barangan lain untuk dijadikan stok sepanjang musim tengkujuh ini.

"Harga ayam paling murah pernah saya dapat hari ini iaitu RM7.90 sekilogram berbanding sebelum ini mencecah RM11 sekilogram.

"Terima kasih kerajaan kerana menganjurkan program seumpama ini dan harap ia dapat diadakan secara berterusan di masa akan datang," katanya.

Sementara itu, seorang kakitangan swasta, Nik Aqilah Nik Mustapa, 38, berkata, banyak penjimatan yang dibuat dengan adanya program ini.

"Hari ini saya dapat beli ikan, ayam, telur, minyak masak, tepung dan macam-macam lagi dengan harga murah.

"Gembira sangat, sebab duit yang lebih dapat digunakan untuk urusan lain



Pengarah KPDMHEP Negeri Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro (kanan) dan Ketua Penguatkuasa KPDMHEP Johor, Mohd Hanizam Kochek (tengah) (Biringi) Pengurus Besar Economic Cash & Carry Cawangan Selatan Mas Iman Adam (kiri) ketika menghadiri Program Jualan Keluarga Malaysia di Pasar Raya Economic, Taman Daya.

kerana sekarang seperti yang kita tahu semua barang naik harga," katanya.

Ibu kepada empat orang anak itu berkata, sepatutnya program tersebut dilanjutkan sehingga malam kerana waktu dari jam 8 pagi hingga 1 petang sangat singkat.

Bagi kakitangan kerajaan, Zamri Yusoff, 42, berkata, program tersebut memberi peluang kepada golongan B40 dan M40 untuk mendapatkan barangan harian dengan harga yang lebih murah.

"Ramai yang terkesan dengan Covid-19 dan peningkatan harga barangan di pasaran. Sebagai pengguna kami perlu bijak berbelanja, dan peluang ini harus digunakan sebaiknya," katanya.

Ujar Zamri, dia dan isteri datang seawal jam 8 pagi untuk membeli-belah bimbang orang ramai dan barang habis.

Stok mencukupi

Di pekarangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng, Perak pula, barangan keperluan harian terjual lebih

75 peratus dalam tempoh empat jam.

Jualan yang bermula pada jam 9 pagi itu menawarkan barangan seperti gula, minyak masak, ayam, ikan, telur, tepung gandum dan sayur-sayuran pada harga murah sehingga 20 peratus.

Peniaga, Ahmad Izzat Abu Hassan berkata, dia menjual 500 ekor ayam segar pada harga RM8 berbanding RM9.40 sekilogram (kg) di pasaran.

"Sambutan yang diterima amat baik apabila sehingga jam 12 tengah hari tinggal 150 ekor sahaja.

"Kami akan terus mengikut program ini supaya dapat bantu golongan memerlukan," katanya.

Peniaga ikan, Muazzam Mohamad pula menyediakan 500kg ikan mackerel, sardin putih, mambong dan cencaru pada harga RM10 sekilogram.

"Sambutan pengunjung cukup baik apabila jualan mambong dan mackerel hampir habis dijual.

"Walaupun harga ikan di pasaran meningkat, kami dapat menjual dengan harga terkawal kerana mempunyai stok yang mencukupi," katanya.

Sementara itu, pelanggan, Norazizan Mohamad Spian, 48, mengakui barangan

yang dijual pada program itu lebih murah berbanding di pasaran dan mudah didapati tanpa had.

"Kami baca berita mengenai jualan ini dan memang datang untuk melihat harga. Harganya betul-betul murah seperti yang diuar-uarakan.

"Hari ini saya beli gula dan minyak masak kerana kedua-dua barangan ini sukar didapati di kedai dan pasar raya berhampiran rumah. Kadang-kadang ada yang sudah habis," katanya.

Bagi Hasnah Mohd Ali, 59, dari Taman Berjaya Permai, Kuantan, Pahang, inisiatif kerajaan tepat pada masanya ketika rata-rata pengguna terbeban dengan kenaikan harga barang keperluan seharian.

Katanya, harga yang ditawarkan lebih rendah berbanding harga biasa dan amat membantu dalam mengurangkan beban ditanggung rakyat terutama bagi golongan berpendapatan rendah.

Pandangan itu disokong seorang lagi pengguna, Amran Mohd Yasin, 62, dari Peramu yang berpendapat inisiatif kerajaan itu amat baik dalam membantu meringankan beban perbelanjaan ditanggung rakyat dalam keadaan harga barangan naik ketika ini.

"Cumannya ia perlu diuar-uarakan lebih awal supaya orang ramai tahu. Pada masa sama, program ini perlu diadakan secara berterusan bukan pada hari-hari tertentu sahaja," katanya.

Nordiana Ismail, 30, yang tinggal di Taman Gaya, Johor berbesar program itu dapat diperluas dan diadakan seminggu sekali atau sekurang-kurangnya sebulan dua kali.

Dia yang bekerja sebagai juruaudit dan sedang mengandung anak pertama berkata, ia bagi memastikan golongan B40 dapat berbelanja dengan harga berpatutan.

Bagi Azziah Alias, 55, dari Taman JP Perdana pula mengakui jualan itu banyak membantu kerana kenaikan harga berlaku sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

>> BERSAMBUNG DI MUKA 3



Jualan Keluarga Malaysia di Lubok Jong, Rantau Panjang, Kelantan pada Sabtu berlangsung dengan pematuhan SOP ditetapkan.

JADUAL WAKTU SOLAT	SUBUH	DYUBUK	ZOHOR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
PERLIS	6:02	7:17	1:12	4:32	7:04	8:18
NEGERI SEMBILAN	6:03	7:14	1:12	4:33	7:04	8:18
PAHANG	6:02	7:13	1:11	4:33	7:05	8:20
PERAK	5:58	7:09	1:09	4:32	7:04	8:19
SELANGOR	5:55	7:08	1:04	4:25	6:57	8:07
KUALA TERENGGANU	5:50	7:03	1:00	4:22	6:54	8:06
KEDAH	5:47	7:00	1:01	4:24	6:59	8:13
KUALA LUMPUR-PUTRAJAYA	5:54	7:05	1:07	4:29	7:04	8:18
MELAKA	5:54	7:04	1:07	4:29	7:03	8:18
SEKUTAN	5:50	7:03	1:05	4:28	7:03	8:18
NEGERI NEGERI	5:49	7:02	1:04	4:27	7:03	8:17
JOHOR BAHRU	5:42	6:55	12:58	4:21	6:58	8:12

>> SAMBUNGAN MUKA 2



Rohaidah Abdul Rahim, 55, pula berkata, program itu berjaya membantunya membuat penjimatan perbelanjaan untuk keluarganya yang sebelum ini menghabiskan kira-kira RM500 sebulan untuk membeli barangan keperluan harian.

"Barangan seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran memang dijual pada harga yang lebih murah berbanding tempat lain," katanya.

Dalam pada itu, peniaga, Rosnaini Mohd Yusof, 50, berkata, harga sayur dijual dalam program itu lebih rendah berbanding pasaran.

Beliau memberi contoh sawi dijual RM7 satu kilogram (kg) berbanding RM10 di pasaran biasa, selain kangkung dan bayam dijual RM6 satu kg berbanding RM8 satu kg di pasaran biasa.

Pengurus Besar Pasaraya Econsave cawangan Selatan, Mas Imran Adam berkata, pihaknya dapat menawarkan harga murah kerana semua bekalan terutama sayur diambil terus daripada pengusaha kebun atau ladang sayur.

"Harga barangan yang dijual di sini sekitar 15 hingga 20 peratus lebih rendah berbanding pada waktu biasa. Contoh harga ayam dijual RM7.99 sekilogram sahaja," katanya.

Sementara itu, Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, jualan kali ini mendapat kerjasama daripada agensi-agensi berkaitan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Antara sebab mengapa barangan di sini dijual pada harga lebih murah adalah kerana agensi yang terlibat dalam jualan ini mengambil bekalan terus dari ladang atau pembekal, dan ia memberi satu kelebihan kepada kami.

"Kita jangkakan ada pembekal lain yang akan terlibat dalam program ini pada masa akan datang, jadi mana-mana pihak yang berminat untuk menyertai program ini boleh menghubungi kami," katanya ketika ditemui di Program Jualan Keluarga Malaysia di Dataran 5C, Taman Putra Perdana, Selangor.

Dalam pada itu, sebanyak 80 jenis barangan ditawarkan kepada pengguna melalui program sama yang diadakan di TMG Mall Tanjung Lumpur, Kuantan Pahang.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang, Datuk Mark Ujin berkata, antara barangan yang ditawarkan termasuk barangan basah dan barang keperluan dapur.

Menurutnya, bagi program jualan akan datang, ia akan diadakan mengikut kesesuaian lokasi dan permintaan setempat.

Memurut Pengurus Operasi Rangkaian Pasaraya TMG, Muhammad Hidir Ravi Abdullah, pihaknya mengambil bahagian dalam program berkenaan bagi menyahut seruan kerajaan dan sebagai tanggungjawab dalam membantu pengguna terutama golongan B40.

Menurutnya, pihak TMG cuba sedaya upaya untuk kurangkan harga bagi barangan keperluan terpilih dengan harga ditawarkan menghampiri harga kos.

Program Jualan Keluarga Malaysia diadakan di semua 222 kawasan Parlimen secara serentak bermula Sabtu sebagai antara usaha meringankan beban rakyat susulan kenaikan harga barang.

Program itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Khamis lalu.

Program yang menawarkan barangan keperluan harian pada harga murah antara 20 dan 50 peratus disasar diadakan dua kali setiap bulan memfokuskan kepada kawasan yang mempunyai ramai penduduk daripada golongan B40 dan M40.

Shoppers happy with lower prices

Newly-started, bimonthly Malaysian Family Sale gets good response

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: For many families, the Malaysian Family Sale has helped reduce their food bill.

"Vegetables, such as kangkung and bayam, are priced at RM6 per kg, compared to RM8 in the market," said housewife Azizah Alias, 55, who visited the state-level Malaysian Family Sale at a hypermarket in Taman Daya here yesterday.

"I went to the sale to see if the prices are indeed lower than the other places. I am really happy that it is true. And on top of that, the items are fresh," she said.

Azizah also reported that chicken costs RM7.99 per kg compared to RM9 or RM10 elsewhere.

The Malaysian Family Sale, announced by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob last week, and started yesterday, will be held at 222 parliamentary constituencies twice a month until February.

It is the government's attempt at helping consumers buy necessities at lower prices amid the rising cost of living due to the Covid-19 pandemic.

School van operator Noriah Yahya, 50, also said the Malaysian Family Sale has helped ease her finances as the goods are cheaper.



Caring for customers: Mohd Hairul (right) showing cheaper chickens being sold by a hypermarket in Taman Daya, Johor Baru. — Bernama

Prior to this, she would spend about RM1,000 per month – including RM300 every fortnight – on fresh food like fish and chicken for her family.

"My husband lost his job as a lorry driver because of the pandemic. He is now a taxi driver. Both of us have to work to make sure there will be food on the table for our

family," she said.

Housewife Rohaidah Abdul Rahim, 55, who has three children and three grandchildren, said she mainly bought vegetables,

mackerel and chicken at the sale.

"These items are really expensive at other places. It's good that the government is having this programme to help the public.

"Things are getting pricier now. The Malaysian Family Sale should be held more often as it will help those who are facing difficult times," she said.

Meanwhile, state Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) director Mohd Hairul Anuar Bohro warned traders not to take advantage of travellers coming from Singapore under the land Vaccinated Travel Lane (VTL-Land) to increase prices.

He said the ministry would continue to carry out frequent checks.

"If there is a price hike due to the VTL-Land, the state KPDNHEP will take stern action in accordance with the law," he added.

He urged consumers to forward their complaints to the ministry immediately if they come across sellers hiking their prices.

"Consumers should practise smart spending. They should compare the prices at various premises before making a purchase.

"If they notice that there are items being sold at a higher price, they can make a complaint directly to us," he said.

'No cartels involved in Melaka veggie price rise'

MELAKA: The Melaka Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry denied claims of cartel involvement in manipulating vegetable prices that had led to a price surge. Director Norena Jaafar said vegetable prices in Melaka depended on the quantity obtained by traders, mostly from suppliers at the Kuala Lumpur wholesale market, apart from Cameron Highlands and farmers in the state. She said there was no cartel involvement, adding that the price increases were due to insufficient supply, weather conditions and transportation costs. She said this after inspecting a supermarket here on Friday in response to a newspaper report regarding the allegation that markets nationwide had "fixed cartel prices" depending on areas. **Bernama**